

CADANGAN MENAIKTARAF LALUAN PEJALAN KAKI DI SEBAHAGIAN JALAN PUCHONG (BERHAMPIRAN JALAN TK 1/11A DAN JALAN TAMAN KINRARA) TAMAN KINRARA, PUCHONG, SELANGOR DARUL EHSAN.

BIL	HURAIAN KERJA	JUMLAH (RM)
	<p><u>KERJA-KERJA AWALAN (PRELIMINARIES)</u> KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM Menyediakan perkara-perkara berikut :-</p>	
A	<p>Kerja-kerja awalan seperti penyediaan pangangkutan oleh pihak kontraktor bagi menghantar ke tapak serta mengeluarkan dari tapak peralatan/mesin/jentera/loji /lori, buruh, penyediaan laluan keluar/masuk sementara ke tapak kerja, termasuk kerja pengorekan, penebangan pokok, penyediaan steel plate dan lain-lain kerja berkaitan mengikut kesuaian penguanya di tapak.</p>	
	<p>Perlindungan Takaful/Perlindungan Insurans</p>	
B	<p>Polisi Takaful/Insurans Tanggungan Awam (liabiliti terhadap kecederaan diri, kecederaan seseorang atau kematian orang awam serta kerosakan harta benda sepanjang tempoh pelaksanaan kerja)</p>	
C	<p>Polisi takaful/Insurans Kerja</p>	
D	<p>Nombor-nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja ** <i>Kontraktor adalah digalakan untuk mengambil pelan perlindungan takaful berbanding pelan perlindungan insurans</i></p>	
	<p>Menyediakan Bon Perlaksanaan (Performance Bond) :</p>	
E	<p>Bank/Islamic Bank/BPIMB/Insurans/Takaful atau Jaminan Syarikat Kewangan*</p>	
F	<p>Wang Jaminan Perlaksanaan (WJP)* * Potong mana yang tidak berkecuaan</p>	
	<p>Papantanda Projek</p>	
G	<p>Menyediakan satu (1) papan tanda projek mengikut spesifikasi yang mengandungi logo MBSJ, nama prjek, nama Pegawai Penyelia, nama wakil Pegawai Penyelia, nama kontraktor, tarikh milik tapak dan tarikh siap kerja serta lain-lain kerja yang berkaitan.</p>	
	<p>Laporan Bergambar</p>	
H	<p>Menyediakan laporan bergambar sebelum, sedang dan selepas kerja dijalankan di tapak. Penyediaan tuntutan bayaran lengkap dengan gambar sebelum, semasa dan selepas siap kerja dan dijilidkan, diserahkan semasa membuat tuntutan pembayaran lengkap dengan invoice, borang taking off, pelan lokasi kerja, gambar kerja berserta tarikh dan dijilid kemas.</p>	
	<p>Peralatan Keselamatan</p>	
J	<p>Penyediaan Pelan Pengurusan Trafik, peralatan keselamatan yang mencukupi dan bersesuaian semasa bekerja seperti papantanda amaran/lalulintas, topi keselamatan, but keselamatan, safety vest, bendera, lampu bikon, kon, pita keselamatan (red & white hazard) sebanyak tiga (3) lapisan termasuk tiang kayu dan lain-lain keperluan yang berkaitan sepanjang tempoh kerja untuk semua pekerja/kakitangan kontraktor.</p>	
	<p>Penyediaan Jadual Perancangan Kerja (Work Programme)</p>	
K	<p>Menyediakan dan mengemukakan Jadual Perancangan Kerja (<i>Work Programme</i>) sebelum kerja di tapak bagi memantau dan mengenalpasti status kemajuan kerja di tapak dari masa ke semasa.</p>	
	JUMLAH DIBAWA KE BELAKANG :	

BIL	HURAIAN KERJA	JUMLAH (RM)
	JUMLAH DIBAWA DARI HADAPAN :	
	KAWALAN TRAFIK	
A	Menyediakan satu kumpulan pengawal/penyurai trafik yang akan menyusun semua peralatan trafik dan mengawal lalulintas dilokasi kerja sepanjang kerja dijalankan. Kumpulan ini perlu dibekalkan dengan peralatan keselamatan seperti topi keselamatan, <i>vest</i> keselamatan (hijau sahaja), kasut keselamatan, <i>red light tube batton</i> , alat perhubungan (<i>walkie talkie</i>) dan lain-lain keperluan berkaitan untuk tugasan ini.	
	SETTING OUT	
B	Melaksanakan pengukuran <i>setting-out</i> di tapak oleh Juruukur Berlesen sebelum pembinaan dijalankan di tapak bina dan kontraktor hendaklah bertanggungjawab untuk ketepatan semua penetapan ukur aras dengan tepat dan sekiranya berlaku apa-apa kesilapan dalam penetapan ukur aras dan apa-apa kerugian berbangkit pihak kontraktor hendaklah menyelesaikan permasalahan tersebut di tapak sehingga memuaskan hati Pegawai Penguasa atau Wakil Pegawai Penguasa dan lain-lain kerja berkaitan.	
	AS-BUILT DRAWING	
C	Mengemukakan dua (2) salinan <i>As-Built Drawing</i> saiz A1 dalam bentuk <i>Hard Copy</i> dan satu (1) set <i>Soft Copy</i> lukisan bagi keseluruhan tapak kerja mengikut arahan Pegawai Penguasa atau Wakil Pegawai Penguasa.	
	KERJA-KERJA PASCA PERSEDIAAN AWAL TAPAK	
D	Bagi kerja-kerja ini, pihak kontraktor DIWAJIBKAN untuk mendapatkan maklumat dan maklumbalas dari pihak utiliti yang terlibat disepanjang laluan yang dinaiktaraf sebelum kerja-kerja fizikal dibenarkan untuk dimulakan. Hanya kerja menandakan kelebaran laluan pejalan kaki sahaja yang dibenarkan pada peringkat ini. Kerja pengalihan utiliti perlu dimaklumkan kepada pihak majlis terlebih dahulu. Kesemua transaksi antara pihak kontraktor dan pihak utiliti perlulah secara bersurat dan satu salinan perlu dikemukakan ke pihak majlis juga secara bersurat. Kerja fizikal boleh dimulakan setelah semua pihak utiliti telah memberi maklumbalas dan pihak majlis mendapati tiada halangan berdasarkan maklumbalas pihak utiliti.	
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA :	